



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	05 APRIL 2017

Najib, Modi setuju hubungan di tahap tertinggi

um - 5/4/2017

KUALA LUMPUR 4 April - Datuk Seri Najib Tun Razak dan rakan sejawatannya dari India, Narendra Modi bersetuju bahawa hubungan antara kedua-dua negara kini berada di tahap tertinggi dalam sejarah.

Perdana Menteri menekankan mengenai hubungan kukuh antara kedua-dua negara dalam entri terbaharu dalam laman www.najibrazak.com bertajuk "Mengukuhkan Hubungan Dua Hala Malaysia-India".

Najib, yang kini dalam lawatan rasmi enam hari ke India berkata, beliau mengadakan pertemuan yang berhasil dengan Modi di New Delhi pada Sabtu lalu.

"Hubungan dua hala selama 60 tahun terus berkembang ketika kita memperoleh manfaat daripada perkongsian strategik yang kita jalin dengan India," kata Najib.

Perdana Menteri berkongsi sesetengah daripada persetujuan yang dicapai hasil pertemuan beliau dengan Modi termasuk berkaitan kerjasama pertahanan dan keselamatan.

Beliau berkata, Malaysia akan terus bekerjasama rapat dan meningkatkan kerjasama dengan India untuk memastikan kedua-dua negara itu serta rantau ini terus aman.

"Kami juga menegaskan komitmen kami untuk memerangi sebarang bentuk keganasan dan ekstremisme. Perdana Menteri Modi khususnya berminat dengan program deradikalisasi Malaysia dan kami lebih daripada gembira untuk



Hubungan dua hala selama 60 tahun terus berkembang ketika kita memperoleh manfaat daripada perkongsian strategik yang kita jalin dengan India."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan India," kata beliau.

Mengenai Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA), kedua-dua negara bersetuju bahawa mereka memerlukan perjanjian perdagangan bebas yang baharu untuk menggiatkan perdagangan antara negara bukan sahaja di rantau berkenaan tetapi juga di seluruh dunia.

Najib berkata, beliau dan Modi bersetuju bahawa Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif dua hala perlu digiatkan untuk menjadikannya lebih efektif ketika Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) menjadi semakin relevan hari ini.

"Saya berharap dengan galakan daripada India, RCEP dapat menjadi realiti lebih awal," kata beliau. - BERNAMA